

## Sūrat al-Ikhlās Mencetuskan Api Keimanan Yang Menyala-nyala.

Di bawah ini kami catitkan kisah satu keluarga bangsa Portugis yang telah bertuka<sup>1</sup> hatinya untuk memeluk agama Islam yang maha suci, kemudian telah memilih negeri Mesir menjadi tempat tinggalnya agar dapat memenuhi tuntutan agama yang menjadi pilihan hatinya itu untuk diamalkan dengan sebebas-bebasnya.

Beliau ialah “Pintura de Almeida” dan isterinya “Olga Alveci Ponteca” beserta anak perempuan mereka, telah datang tidak berapa lama dahulu ke Mesir memohon pihak yang berkuasa supaya membenarkan mereka sekeluarga tinggal di sana sebagai satu keluarga yang baharu masuk Islam yang memerlukan perlindungan dari saudara-saudaranya kaum Muslimin.

Dalam perutusannya dengan wakil pemberita majalah *al-Shabbān al-Muslimīn* beliau menceritakan sebagai berikut:

Sejak kecil lagi saya gemar membaca dan mempelajari tentang kepercayaan dan agama, sehingga saya tertarik kepada mempelajari agama Islam. Setiap saya membaca tentang agama tersebut semakin kuatlah keinginan saya kepadanya. Kagum saya melihat bagaimana baiknya pengajaran Islam dan keadilan undang-undangnya. Saya telah membacanya dalam buku karangan Shaykh Abdul Wahid Yahya yang memperkatakan tentang falsafah Islam. Kesannya sangat besar dalam hati saya selepas membacanya, sehingga menambahkan lagi kepercayaan dan keimanan saya.

Kemudian saya baca Qur’ān, saya dapati satu surah yang bernama sūrat al-Ikhlās di mana Allah telah berfirman:

“Katakanlah Allah itu Tunggal, Allah itu tempat meminta, tiada Ia beranak dan tiada pula diperanakan, dan tiada sesuatu yang menyerupai-Nya.”

Seketika itu penuhlah hati saya disinari oleh cahaya pertunjuk dari Allah, lalu saya pun berserah diri kepada-Nya (masuk Islam). Dan dari semenjak itu hingga sekarang ini tak ada jemu-jemunya saya mengulang-ngulang ayat-ayat suci tersebut – ayat-ayat yang membangkitkan rasa keimanan yang sebesar-besarnya terhadap Tuhan.

Keluarga tersebut yang terdiri dari suami, isteri dan anak perempuan mereka telah menukar nama masing-masing dengan nama Islam – suami bernama “Abdullah de Almeida” isterinya bernama “Faridah” dan anak perempuan mereka bernama “Zahrah al-Warda.” Dan mereka kelihatannya dapat bertutur sedikit sebanyak bahasa Arab yang menyebabkan pemberita majalah *al-Shabbān al-Muslimīn* itu menanyakan bagaimana mulanya mereka mempelajari bahasa Arab?

Abdullah de Almeida menjawab:

Saya belajar bahasa Arab itu secara

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah bertukar.

bersendirian, tidak menerusi sekolah kerana di tempat saya tak ada sekolah yang mengajarkan bahasa Arab, saya belajar dengan perantaraan buku-buku bahasa Arab yang saya beli dari toko-toko buku. Saya paksakan diri saya mempelajari walau sepotong ayat yang pendek. Saya ada mempunyai buku kamus Arab-Perancis. Buku itulah yang banyak saya pakai untuk belajar membaca dan menulis bahasa Arab.

Waktu saya di Lisbon (ibu negeri Portugis) saya sibuk dengan pekerjaan yang banyak, tetapi segala waktu saya yang lapang saya gunakan untuk mempelajari bahasa tersebut yang mengambil masa selama tujuh tahun.

Ketika ditanya apa ayatkah yang kerap dibacanya? Beliau menjawab: Semua ayat al-Qur'ān adalah merupakan ayat-ayat

yang indah belaka dan tinggi mutunya. Hanya yang saya sangat tertarik membacanya ialah “surah al-Ikhlās” dan yang paling kerap membacanya ialah “surah al-Fātiḥah”.

Waktu ditanya lagi, di mana dia mempelajari hukum-hukum agama? Beliau menjawab: Dalam kitab-kitab agama, banyak saya mempelajari dari kitab bertajuk “*Muhammad Membawa Tugas dan Menjadi Rasul*” karangan Dr. Naḍmi Laqi dan dari kitab “*Baḥrū*” karangan orang Suez. Begitu pula saya telah membaca al-Qur'ān yang diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol.

Bila ditanya, apakah yang menguatkan keimanannya terhadap keesaan Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*? Beliau menjawab: Dengan sebab banyaknya saya membaca surah al-Ikhlās maka semakin kuatlah keimanan dan kepercayaan saya



*Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, raja-raja dan gabenor-gabenor dari wilayah Malaysia memerhatikan Perdana Menteri*

*Tengku Abdul Rahman memimpin<sup>2</sup> pekikan merdeka bersama-sama dengan 30,000 rakyat di Stadium Merdeka.*

*(Gambar Ihsan Pejabat Penerangan Kuala Lumpur)*

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah memimpin.

terhadap Allah.

Ditanya pula, bagaimana perasaannya ketika menunaikan sembahyang fardu? Jawab beliau: saya sangat-sangat mengambil berat dalam menunaikan kesemua sembahyang fardu tepat mengikut waktunya. Di Mesir ini saya menunaikan sembahyang Jumaat di masjid “Saiyidina Husain” saya pernah membaca riwayat Saiyidina Husain dan riwayat perjuangannya dan juga membaca tentang masjid yang diberi nama dengan namanya itu, sehingga bila mana saya bermaksud hendak melawat ke masjid itu untuk sembahyang di sana, saya telah mengenali jalan menuju ke masjid itu dengan tidak payah bertanya kepada sesiapa – walaupun selama hidup saya itulah kali pertama saya melawat negeri Mesir ini dan datang untuk menziarahi makam Saiyidina Husain. Sewaktu saya sembahyang dalam masjid tersebut terasa benar betapa lapang dan berbahagiannya perasaan saya tak dapat hendak saya gambarkan dan begitulah selama saya sedang mengerjakan sembahyang perasaan saya selalu bertambah yakin terhadap Allah, terbayang kebesaran dan keagungan-Nya semasa saya berada di hadapan-Nya sewaktu menunaikan sembahyang. Selesai sembahyang semakin terasalah oleh saya bahawa Islam itu ialah hak dan benar, dan dialah agama yang paling agung. Islam mendidik rohani, tiada dibezakannya antara seseorang dengan yang lain, semuanya bersaudara yang terikat dalam tali keikhlasan, tak ada seseorang itu lebih mulia dari yang lain melainkan dengan takwa, baik diannya kaya maupun miskin.

Ketika ditanya apa-apa negeri yang pernah dilawatnya, dan bagaimana pandangannya tentang kekurangan-kekurangan kaum

Muslimin yang tinggal dalam negeri tersebut, dan bagaimana caranya mereka mesti mencari jalan yang berkesan untuk menegakkan Islam? Beliau menjawab saya perhatikan di bandar “Tanjah” dan di sebahagian bandar-bandar negeri Sepanyol kebanyakan pemuda dan pemudinya sangat kurang sekali memberikan perhatian tentang hakikat Islam dan pengajarannya. Sepatutnya mereka mesti berusaha untuk menambahkan kelengkapan diri mereka untuk menambahkan lagi keimanan dan kepercayaan mereka, supaya bertambah pula semangat mereka untuk mendakwahkan agama Islam yang maha suci.

Semasa ditanya pula, adakah beliau mengalami halangan-halangan selama beliau memeluk agama Islam? Dijawabnya: Bermacam-macam halangan dan tekanan orang telah ditujukan kepada saya. Di tempat pekerjaan saya banyak orang-orang Yahudi yang sama-sama bekerja dengan saya. Manakala mereka tahu yang saya telah memeluk agama Islam dan menjadi seorang Muslim, mulalah mereka menentang saya dalam pekerjaan saya sehari-hari. Mereka siarkan bermacam-macam kedustaan mengenai saya, sehingga setengah-setengah orang Islam yang ada di sana tidak mahu mempercayai yang saya adalah seorang Muslim sejati. Dan bila saya pergi ke masjid untuk sembahyang berjemaah mereka anggap saya orang asing kerana itu saya tak dibenarkan memasuki masjid mereka. Saya katakan kepada mereka, bahawa saya adalah seorang Muslim yang seperti mereka juga, mengerjakan sembahyang dan mempunyai keimanan yang benar, tetapi mereka tak percaya.... meskipun begitu banyak halangan-halangan yang saya hadapi, sedikit pun saya tidak berganjak dari pendirian saya dan kepercayaan saya semakin

kuat terhadap agama Islam. Dan dalam keadaan-keadaan yang terpaksa tak dapat pergi ke masjid, maka sembahyanglah saya di rumah sahaja.

Ketika ditanya pula tentang cita-citanya di masa hadapan, beliau menjawab: Saya bercita-cita untuk mendapatkan kerakyatan negeri ini (Mesir) dan akan tinggal di sini di tengah-tengah penduduk yang menjadi saudara saya yang seagama iaitu kaum Muslimin, hingga ke akhir hayat saya.

Kemudian pertanyaan dikemukakan pula kepada isterinya itu Puan “Olga Alveci Ponteca” yang telah menukar namanya dengan nama Islam “Faridah” – bagaimana mulanya beliau masuk Islam? Adakah beliau memeluk agama Islam itu disebabkan suaminya telah masuk Islam? Beliau menjawab: Saya menegaskan bahawa kemasukan saya ke dalam Islam adalah didorong oleh kesungguhan hati yang mendalam, kerana sebelum saya masuk Islam, suami saya kerap membaca buku-buku tentang Islam dan menerangkannya kepada saya. Saya suka mendengarkan penerangannya, hinggalah banyak waktu yang terluang telah kami pergunakan untuk membaca dan membicarakan soal-soal yang mengenainya. Saya berpuas hati benar menerima agama Islam, dan kerana itu pulalah saya masuk Islam bukan menjadi pak turut kepada suami saya. Saya terima Islam setelah cukup memahaminya dengan penuh minat dan keyakinan, sebab saya telah mengetahuinya hakikat dan kelebihan agama yang maha suci itu.

Kami telah mendirikan rumah tangga kami kira-kira sepuluh tahun yang lampau... dengan masuknya kami ke dalam Islam semakin bertambah lagi hubungan kami dan persefahaman kami. Bila sampai masanya saya

terpaksa meninggalkan negeri kami iaitu negeri Portugis, dia pergi ke Tanjah (Afrika Utara – di seberang tanah Sepanyol) dan saya mengikutinya tanpa berkata apa-apa atau bertanya kepadanya, bagaimana nasib kita nanti ketika hidup di negeri orang. Saya pergi mengikutinya untuk berhijrah tanpa memikirkan apa yang akan berlaku di masa hadapan. Lama sudah kami berada di hadapan pintu penghidupan yang tertutup rapat, tetapi saya tidak berputus asa, malah saya selalu memberinya galakan dan harapan, saya tawarkan diri saya pada mulanya untuk membantunya sama-sama mencari kerja didorong oleh rasa tanggungjawab untuk sama-sama memikulnya. Tetapi dia telah menolak dan tidak rela membiarkan saya mencari kerja. Saya teringat bagaimana penanggungan yang telah kami alami di Tanjah iaitu pada suatu hari saya jatuh sakit, jelas benar penyakit itu menyerang sehingga lemah seujur tubuh saya. Saya terpaksa berdusta mengatakan tidak sakit, supaya suami saya tidak memanggil doktor kerana belanja merawat saya itu pada pendapat saya lebih penting untuk membelikan makanan kami setiap hari....

Begitulah selalunya saya mengutamakan kesederhanaan, memada dengan yang ada dan yang sekecil-kecilnya, tujuannya ialah kerana saya tidak suka menyusahkan suami saya. Kami terpaksa berjimat cermat dan mengumpulkan pendapatan kami sedikit demi sedikit sehingga sampailah ke mari tempat yang telah lama kami cita-citakan.

